

13/04/2003

Kerajaan pantau HIV/Aids

KUALA LUMPUR: Kerajaan terus memantau terhadap penderma darah, penghuni pusat serenti dan penjara selain kaedah sukarela daripada ibu yang bakal melahirkan anak bagi mengesan jangkitan virus HIV/Aids.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata hasil saringan menerusi kaedah sukarela di kalangan ibu mengandung sejak beberapa tahun lalu mendapati, kadar jangkitan HIV/Aids adalah rendah iaitu 0.02 hingga 0.03 peratus.

Katanya, setiap tahun lebih 300,000 penderma darah disaring untuk memastikan darah yang didermakan bebas daripada jangkitan penyakit berkenaan.

"Apa yang kita bimbangkan adalah peningkatan jangkitan HIV menerusi perhubungan seks iaitu daripada 834 kes pada 2001 kepada 1,218 kes tahun lalu, meningkat 46 peratus.

"Daripada 50,351 penagih dadah yang disaring tahun lalu, 5,168 didapati HIV positif berbanding 36,414 yang disaring dengan 4,698 HIV positif tahun sebelumnya, turun 10.3 peratus berbanding 12.9 peratus pada 2001," katanya selepas menyampaikan replika cek bernilai RM4 juta kepada Majlis Aids Malaysia (MAM) di sini, semalam. Turut hadir, Presiden MAM, Datin Paduka Marina Mahathir.

Chua berkata, tahun lalu 6,978 kes HIV dilaporkan berbanding 5,938 pada tahun sebelumnya berpunca daripada peningkatan pengesanan jangkitan HIV di kalangan penagih dadah sebanyak 17.5 peratus.

"Sehingga Disember tahun lalu, 51,256 kes jangkitan HIV dilaporkan kepada kementerian dan daripada jumlah itu, 7,218 adalah kes Aids dengan 5,424 kematian.

"Penagih yang berkongsi jarum suntikan masih menjadi penyumbang tertinggi iaitu 76.3 peratus daripada keseluruhan punca jangkitan," katanya.

Terdahulu, beliau berkata, Kabinet tahun lalu sudah bersetuju memberi dana RM40 juta kepada MAM bagi tempoh 10 tahun bermula tahun ini untuk membantu pertubuhan bukan kerajaan itu dan 37 ahli gabungannya menggiatkan usaha pencegahan dan pendidikan HIV/Aids di negara ini.

Sementara itu, Marina berkata, bantuan kewangan itu akan digunakan MAM dan 37 ahli gabungannya meningkatkan usaha menangani HIV/Aids di negara ini.

"Kami berharap, bantuan kewangan ini tidak akan menyekat usaha MAM untuk meneruskan aktiviti menjana dana HIV/Aids terutama Tabung Pediatrik Aids, Skim Bantuan Perniagaan serta Skim Bantuan Perubatan HIV/Aids yang dikendalikan Yayasan Aids Malaysia," katanya.